

27/10/1999

Bukit Bintang pusat beli-belah taraf dunia menjelang Disember

KAWASAN Bukit Bintang, Kuala Lumpur akan menjadi syurga makanan dan membeli-belah bertaraf dunia apabila projek pengindahan lanskap dan pembukaan kafe kaki lima di kawasan itu disediakan pada Disember ini.

Kos bagi projek terbaru YTL Corporation Bhd itu adalah RM150 juta iaitu kos RM100 juta adalah bagi pembinaan apartmen Ritz Carlton dan selebihnya untuk pembinaan kaki lima dan pengindahan lanskap.

Pengarah Urusan YTL, Tan Sri Francis Yeoh Sock Ping, berkata YTL berhasrat menjadikan kawasan itu sebagai nadi tarikan utama pelancong di Kuala Lumpur.

"Beberapa butik mewah dan kafe berjenama antarabangsa akan dibuka di kawasan ini bagi menjadikannya tempat tumpuan membeli-belah dan bersantai di kalangan penduduk tempatan atau pelancong asing," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Antara pembangunan yang dirancang di kawasan itu yang dinamakan 'Bintang' ialah pembinaan kaki lima sepanjang tiga kilometer dikenali Bintang Walk daripada hotel Ritz Carlton sehingga pusat beli-belah Lot 10.

Yeoh berkata, di sepanjang kaki lima itu beberapa kafe berjenama antarabangsa akan dibuka manakala beberapa tarikan untuk acara malam turut dirancang.

Ditanya adakah projek Bintang berhasrat menyaingi pusat beli-belah Suria KLCC, Yeoh berkata, Bintang akan menjadi pelengkap kepada Suria KLCC.

"Bintang menekankan konsep cara hidup santai dan membeli-belah dengan pengunjung yang berbeza berbanding KLCC.

"Lagi pun kedua-ke dua lokasi ini berdekatan dan pengunjung boleh mengunjunginya serentak," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan projek itu pada 7 Disember ini.

Yeoh berkata, tarikan terbaru itu dijangka meningkatkan bilangan pengunjung antara lima hingga kali daripada jumlah sekarang.

(END)